

RE-B FORTE TABLET

Thiamine mononitrate (B1)/Pyridoxine hydrochloride (B6)/Cyanocobalamin (B12) (250mg/250mg/1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Re-B Forte
2. Bagaimana Re-B Forte berfungsi
3. Sebelum mengambil Re-B Forte
4. Cara menggunakan Re-B Forte
5. Semasa menggunakan Re-B Forte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Re-B Forte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Re-B Forte

Re-B Forte digunakan dalam rawatan kompleks gangguan saraf berikut yang termasuk keradangan saraf atau sakit saraf atau perubahan dalam metabolismik dan saraf akibat kehamilan dan kontraseptif oral.

Bagaimana Re-B Forte berfungsi

Re-B Forte adalah gabungan tiga vitamin penting (B1, B6 dan B12) untuk saraf dalam dos yang tinggi.

Sebelum mengambil Re-B Forte

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Re-B Forte jika anda:

- hipersensitif (alergi) kepada mana-mana bahan aktif atau mana-mana bahan lain dalam Re-B Forte
- mempunyai anemia megaloblastik (gangguan darah) semasa kehamilan

Mengandung dan menyusukan anak

Semua bahan aktif didapati dalam susu ibu. Jangan ambil Re-B Forte jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Re-B Forte jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Sebelum mengambil Re-B Forte, doktor anda perlu mengecualikan sebarang degenerasi saraf tunjang dan kerosakan pada saraf mata.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Levodopa (untuk penyakit Parkinson)
- Phenobarbital, phenytoin. (untuk epilepsi)
- Loop diuretics (pil air)
- Hydralazine (untuk tekanan darah tinggi)
- isoniazid, (antibiotik untuk batuk kering)
- penicillamine (untuk mengeluarkan kumprum berlebihan tembaga dari badan)
- Kontraseptif oral
- Neomycin (antibiotik)
- aminosalicylic acid (ubat tahan sakit)
- metformin (untuk kencing manis)
- kalium klorida (suplemen kalium)
- colchicine (untuk gout)
- Perencat pam Proton (omeprazole, lansoprazole, pantoprazole, rabeprazole) dan histamine H2 antagonist untuk sakit gastrik
- Cholestyramine,, colestipol (untuk kolesterol tinggi)

Cara menggunakan Re-B Forte

- Berapa banyak harus digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos rawatan: 2 - 3 tablet setiap hari selama 7 - 10 hari.

Dos pengekalan: 1 Tablet setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Re-B Forte harus ditelan keseluruhan, semasa atau sejurus selepas makan.

Jangan ambil tablet pada perut kosong

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Re-B Forte

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Re-B Forte

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

<p>Jangan berkongsi Re-B Forte dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.</p>	<p>- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera</u> Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.</p>	<p>Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web nprr.moh.gov.my (<i>Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)</i>).</p>	<p>Pengilang Unison Laboratories Co., Ltd. 39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang Chachoengsao, Chachoengsao 24000 Thailand</p>
<p>Pengambilan jangka panjang dos tinggi pyridoxine dikaitkan dengan kerosakan saraf yang teruk.</p>	<p>Cara penyimpanan dan pelupusan Re-B Forte - <u>Penyimpanan</u> Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.</p>	<p>Simpan di suhu tidak melebihi 30°C.</p>	<p>Pemegang Pendaftaran Produk Medispec (M) Sdn. Bhd. No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2 (Off Boundary Road) 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia</p>
<p>Elakkan makanan yang mengandungi sulfit, teh, kopi dan kopi tanpa kafein kerana ia boleh menyahaktifkan <i>thiamine</i>.</p>	<p>- <u>Pelupusan</u> Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</p>	<p>Tarikh kemaskini RiMUP 23.2.2018</p>	<p>Nombor Siri NPRA(R4/1)240118/00023</p>
<p>Kesan-sesan sampingan Seperti ubat-ubatan lain, Re-B Forte boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.</p>	<p>Maklumat lanjut - <u>Rupa dan warna produk</u> Berwarna <i>scarlet</i> (merah), bulat, dwicembung, bersisi serong di kedua-dua permukaan,, tablet bersalut filem dengan terukir F pada satu belah dan kosong pada yang lain</p>	<p>- <u>Bahan-bahan kandungan</u> - Bahan aktif <i>Thiamine mononitrate (B1)</i> <i>Pyridoxine hydrochloride (B6)</i> <i>Cyanocobalamin (B12)</i></p>	
<p>Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.</p>	<p>- <u>Bahan tidak aktif</u> Calcium phosphate dihydrate, Povidone (PVP K-90), Propylene glycol, Cherry cider flavor, Eddate disodium, Purified water, Isopropyl alcohol, Colloidal silicon dioxide, Sodium starch glycolate, Glyceryl behenate, Magnesium stearate, Opadry II 85G18490 White, Lake Ponceau 4R (C.I. No. 16255), Lake Carmoisine (C.I. No. 14720), Isopropyl alcohol, Simethicone emulsion 30%, Eudragit E 100, Titanium dioxide, Talc, Polyethylene glycol (PEG 6000), Isopropyl alcohol dan Acetone</p>	<p>- <u>Nombor MAL</u> MAL07061575XZ</p>	
<p>Kesan sampingan setiap vitamin adalah seperti di bawah yang jarang berlaku: <i>Thiamine:</i> Reaksi anafilaktik (batuk, kesukaran menelan, geligata, gatal-gatal kulit, bengkak muka, bibir atau kelopak mata, berdehit atau kesukaran bernafas) biasanya selepas dos yang tinggi ke dalam urat.</p>	<p><i>Pyridoxine:</i> Dos yang tinggi yang diambil selama beberapa bulan telah menyebabkan kehilangan rasa terutama di bahagian tangan dan kaki yang teruk, yang berciri gaya jalan yang tidak stabil dan kaki kebas yang akan merebak kepada tangan.</p>	<p><i>Cyanocobalamin:</i> Reaksi anafilaktik (ruam kulit, gatal-gatal, berdehit)</p>	
<p>Kesan sampingan lain yang kurang kerap termasuk cirit-birit.</p>	<p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan</p>	<p>Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web nprr.moh.gov.my (<i>Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)</i>).</p>	